



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (74)

SIARAN MEDIA

DOF JAMIN BEKALAN UDANG TEMPATAN MENCUKUPI

KAPAR, 13 JUN 2026 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) memberi jaminan bahawa bekalan udang di pasaran negara kekal mencukupi dan stabil, disokong oleh prestasi pengeluaran industri akuakultur tempatan yang terus berdaya tahan.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain ketika mengadakan lawatan kerja ke Kilang Pemprosesan Udang Harimau Camaroe Bhd di Kapar, Selangor hari ini bagi meninjau perkembangan industri hiliran akuakultur dan rantai bekalan makanan laut negara.

Menurut beliau, subsektor udang marin negara yang merangkumi Udang Harimau (*Penaeus monodon*) dan Udang Putih (*Litopenaeus vannamei*) terus memainkan peranan penting dalam menyokong agenda keterjaminan makanan negara serta memenuhi permintaan pasaran domestik dan eksport.

Bagi tahun 2024, pengeluaran udang marin negara direkodkan sebanyak 60,970.79 tan, manakala pada tahun 2025 sebanyak 57,047.80 tan. Dari segi nilai ekonomi, subsektor ini mencatatkan nilai borong sebanyak RM1.66 bilion pada tahun 2024 dan RM1.53 bilion pada tahun 2025, dengan anggaran nilai pasaran runcit melebihi RM2.1 bilion.

Sehingga Mei 2026, pengeluaran udang marin negara telah mencapai 14,308.36 tan dengan nilai borong sebanyak RM386.57 juta, sekali gus mencerminkan keupayaan berterusan industri tempatan dalam memastikan bekalan udang negara kekal stabil dan mencukupi.

Di peringkat negeri, Selangor terus kekal sebagai antara penyumbang utama pengeluaran udang negara dengan pengeluaran sebanyak 2,463.17 tan bernilai RM84.85 juta pada tahun 2025. Sehingga Mei 2026, negeri ini telah merekodkan pengeluaran sebanyak 852.71 tan, sekali gus memperlihatkan potensi besar sektor akuakultur negeri dalam menyokong pembangunan industri udang negara.

Semasa lawatan tersebut, Dato' Haji Adnan turut meninjau operasi pemprosesan udang harimau bagi pasaran tempatan dan eksport serta bertukar pandangan dengan pihak industri mengenai usaha memperkukuh rantai bekalan makanan laut negara yang lebih mampan, moden dan berdaya saing.


Turut dibincangkan ialah aspek pematuhan piawaian keselamatan makanan antarabangsa, pembangunan produk nilai tambah, penerapan teknologi dan automasi serta pelaksanaan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi meningkatkan daya saing industri akuakultur Malaysia di peringkat global.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Bagi memastikan pertumbuhan industri terus mampan, DOF sentiasa memperkukuh kawalan biosekuriti di pintu masuk negara bagi mengurangkan risiko kemasukan penyakit akuakultur seperti Early Mortality Syndrome (EMS) dan White Spot Syndrome Virus (WSSV) yang berpotensi menjejaskan produktiviti sektor akuakultur negara.

Selain itu, usaha transformasi industri akuakultur terus diperkasakan melalui pembangunan Zon Industri Akuakultur (ZIA), penggunaan teknologi moden seperti Recirculating Aquaculture System (RAS) dan Internet Kebendaan (Internet of Things – IoT) bagi pemantauan kualiti air secara masa nyata, serta pembangunan baka udang bebas penyakit (Specific Pathogen Free – SPF) bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar.

“Industri udang negara mempunyai asas yang kukuh serta disokong oleh pengusaha yang berpengalaman, penggunaan teknologi moden dan amalan biosekuriti yang semakin mantap. DOF akan terus bekerjasama rapat dengan pemain industri bagi memastikan bekalan udang negara kekal stabil, selamat dan berkualiti tinggi, sekali gus menyokong agenda keterjaminan makanan negara,” kata beliau.

Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah Pengarah Kanan Bahagian Akuakultur, Puan Khazlita Adzim binti Abdul Aziz @ Ismail; Pengarah Kanan Bahagian Biosekuriti Perikanan, Puan Shamila binti Zainol; Timbalan Pengarah Perikanan Negeri Selangor, Encik Ahmad Redzuan bin Ramli serta pegawai-pegawai perikanan dari ibu pejabat dan negeri.

-TAMAT-

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1fJUdev1pJnFC6E0AK85JvpXD0uBkkRph>

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my